



15 Januari 2016
15 January 2016
P.U. (A) 4

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2016

PESTICIDES (EXEMPTION) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA RACUN MAKHLUK PEROSAK 1974

PERINTAH RACUN MAKHLUK PEROSAK (PENGECUALIAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 59 Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [*Akta 149*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Racun Makhluk Perosak (Pengecualian) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2016.

Pengecualian

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), Menteri mengecualikan Entogenex Industries Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran Syarikat: 807523-M)—

(a) berhubung dengan racun makhluk perosak Denguard daripada kehendak untuk mendaftarkan racun makhluk perosak itu di bawah seksyen 7 Akta; dan

(b) berhubung dengan racun makhluk perosak Mousticide RH dan Denguard daripada kesemua peruntukan Peraturan-Peraturan Racun Makhluk Perosak (Iklan) 1996 [*P.U. (A) 131/1996*].

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) diberikan mulai 15 Januari 2016 hingga 31 Mac 2016.

(3) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tertakluk kepada syarat seperti yang berikut:

(a) racun makhluk perosak yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) dan (b) hendaklah digunakan semata-mata bagi maksud pengagihan

Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi dalam Program Komuniti Bebas Denggi yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang akan diadakan di lokasi yang dinyatakan dalam Jadual;

- (b) pengagihan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi adalah terhadap kepada seratus ribu unit sahaja; dan
- (c) penganjuran dan penjalanan Program Komuniti Bebas Denggi hendaklah tertakluk kepada mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(4) Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi yang disebut dalam subperenggan (3) ertinya kit yang mengandungi tiga puluh gram Mousticide RH, *Aedes Lethal OviTrap* (ALOT), lima ratus mililiter losyen Denguard, buku panduan yang bertajuk “Bersama Kita Perangi Denggi” dan buku yang bertajuk “Nyamuk Yang Poyo”.

JADUAL

Bil.	Lokasi
1.	Taman Melati, Kuala Lumpur
2.	Kg. Padang, Kuala Lumpur
3.	Flat Angsana dan One Avenue, USJ 1, Subang Jaya, Selangor
4.	Grandville, USJ 1, Subang Jaya, Selangor
5.	Taman Mawar dan Taman Cendana, Johor Bahru
6.	Taman Pulau Flora, Johor Bahru
7.	PJS 9 dan Lagoon Perdana, Bandar Sunway, Selangor
8.	Kem Desa Pasifik, Kuala Lumpur
9.	Desa Tun Hussein Onn, Kuala Lumpur
10.	Bangi Perdana, Bandar Baru Bangi, Selangor